

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]**

**SOALAN**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan *My Save Travel di One Step Center* (OSC) yang dikendalikan oleh MIDA.

**JAWAPAN**

Setakat 22 November 2021, jumlah permohonan yang diterima oleh Jawatankuasa OSC melalui portal *My Safe Travel* adalah seperti berikut:

(i) 20,454 permohonan Pelawat Perniagaan Jangka Panjang, di mana 18,303 (89.5 peratus) permohonan telah diluluskan dan 2,151 (10.5 peratus) permohonan tidak dipertimbangkan atas pelbagai faktor seperti dokumen permohonan yang tidak lengkap. Pelawat Perniagaan Jangka Panjang yang telah diluluskan terdiri daripada 48 peratus pemegang Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) untuk pemasangan mesin dan peralatan manakala 52 peratus adalah pemegang Pas Penggajian (*Employment Pass*) yang diluluskan Jabatan Imigresen Malaysia; dan

(ii) 4,316 permohonan Pelawat Perniagaan Jangka Pendek, di mana 3,171 (73.5 peratus) permohonan telah diluluskan, 944 (21.9 peratus) permohonan tidak dipertimbangkan manakala 201 (4.6 peratus) permohonan masih dalam pertimbangan. Antara sebab permohonan tidak dapat dipertimbangkan adalah permohonan Pelawat Perniagaan Jangka Pendek akan berada di negara melebihi 14 hari, jadual perjalanan yang melibatkan aktiviti yang tidak diizinkan di bawah skim ini serta dokumen yang tidak lengkap. Pelawat Perniagaan Jangka Pendek yang telah diluluskan terdiri daripada 558 (17.6 peratus) kategori pelabur berpotensi, 441 (13.9 peratus) kategori pelabur sedia ada, 1,428 (45 peratus) kategori pakar teknikal dan 744 (23.5 peratus) kategori pelanggan perniagaan.

Melalui platform OSC, Kerajaan setakat ini telah memudahcara sebanyak 822 syarikat melibatkan nilai pelaburan sebanyak RM122.37 bilion di bawah kategori pelabur berpotensi serta pelabur sedia ada yang merancang untuk membuat pelaburan tambahan di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN DR. ONG KIAN MING (BANGI)**

**SOALAN**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan kewarganegaraan Teah Kai Boon (No Permohonan 16011018-20190402-153311-42).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bernombor 16011018-20190402-153311-42 kini masih lagi dalam pertimbangan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian sedang meneliti permohonan terbabit dan akan memaklumkan keputusan kepada pemohon.

Kementerian ini berpandangan untuk masa hadapan, Ahli Yang Berhormat dinasihatkan untuk merujuk terus penama ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan cara hadir ke pejabat dan kaunter atau pun melalui emel dan telefon bagi membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan oleh mana-mana individu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memohon maklumat perkembangan terkini rancangan Klinik Kesihatan baru di SibU, memandangkan permintaan untuk Klinik Kesihatan baru semakin meningkat dan SibU memang memerlukan satu Klinik Kesihatan baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini mengambil maklum kesesakan yang dihadapi oleh perkhidmatan klinik-klinik kesihatan di Bandar SibU dengan jumlah anggaran kedatangan 800 pesakit sehari. Selain Klinik Kesihatan Jalan Oya dan Klinik Kesihatan Lanang, penduduk Bandar SibU boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari tiga (3) Klinik Komuniti.
2. Kementerian ini sentiasa mengkaji keperluan klinik kesihatan baru tertakluk kepada ketersediaan tapak yang sesuai dan sumber manusia serta peruntukan kewangan Negara.

Sekian, terima kasih.